

PESOWNA tubuh koperasi wanita, kumpul kerusi kanak-kanak dalam kereta

Oleh Henry Bating

LABUAN: Pertubuhan Pembangunan dan Sosial Wanita Labuan (PESOWNA) terus bergerak ke hadapan dalam memartabatkan golongan wanita di sini dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi.

Pengerusi PESOWNA Raynie Datuk Mohd Din berkata, pihaknya telah mencapai beberapa perkembangan tahun lepas hasil kerjasama kalangan ahli meskipun baru setahun ditubuhkan.

“Kita telah memperoleh kelulusan untuk mewujudkan Koperasi Pesowna Berhad tahun ini,” katanya dalam majlis Malam Apresiasi di salah sebuah hotel di sini kelmarin.

Raynie menambah pencapaian terbaharu persatuan itu telah menambah berat lagi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk membantu kalangan wanita agar maju seiring dengan arus pemodenan negara.

Menurut Raynie sehingga



AHLI: Sabahagian ahli di majlis apresiasi.

ruang terus dibuka untuk golongan wanita di sini untuk menyertai gerakan persatuan berkenaan.

Berkaitan kerusi kereta untuk kanak-kanak, Raynie menyatakan pihaknya bersetuju dan memberi sokongan ke atas peraturan itu demi mengurangkan lagi insiden yang tidak diinginkan ke atas anak-anak yang turut serta dalam pemanduan.

“Demi membantu golongan wanita, kami melaksanakan program mengumpulkan kerusi kanak-kanak dalam kereta yang sudah tamat



TEMU BUAL: Raynie ketika bercakap kepada media.

katanya.

Raynie seterusnya mendo

kanak-kanak dalam kereta

sebagai pilihan tambahan insul

PESOWNA tubuh koperasi wanita, kumpul kerusi kanak-kanak dalam kereta

Oleh Henry Bating

LABUAN: Pertubuhan Pembangunan dan Sosial Wanita Labuan (PESOWNA) terus bergerak ke hadapan dalam memartabatkan golongan wanita di sini dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi.

Pengerusi PESOWNA Raynie Datuk Mohd Din berkata, pihaknya telah mencapai beberapa perkembangan kalangan ahli meskipun baru setahun ditubuhkan.

“Kita telah memperoleh kelulusan untuk mewujudkan Koperasi Pesowna Berhad tahun ini,” katanya dalam majlis Malam Apresiasi di salah sebuah hotel di sini kelmarin.

Raynie menambah pencapaian terbaharu persatuan itu telah menambah berat lagi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk membantu kalangan wanita agar maju seiring dengan arus pemodenan negara.

Menurut Raynie sehingga kini keahlian badan itu telah mencapai 50 orang di mana



AHLI: Sabahagian ahli di majlis apresiasi.

ruang terus dibuka untuk golongan wanita di sini untuk menyertai gerakan persatuan berkenaan.

Berkaitan kerusi kereta untuk kanak-kanak, Raynie menyatakan pihaknya ber-setuju dan memberi sokongan ke atas peraturan itu demi mengurangkan lagi insiden yang tidak diinginkan ke atas anak-anak yang turut serta dalam pemanduan.

“Demi membantu golongan wanita, kami melaksanakan program mengumpulkan kerusi kanak-kanak dalam kereta yang sudah terpakai untuk diagih-agihkan kepada golongan B40,”



TEMU BUAL: Raynie ketika bercakap kepada media.

katanya.

Raynie seterusnya mengesyorkan agar ejen penjual kereta memasukkan kerusi

kanak-kanak dalam kereta sebagai pilihan tambahan jual beli kereta dengan tawaran harga yang lebih murah.